

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 13 OGOS 2017 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI tingkat minat pelajar Sabah dalam sains, matematik	BERNAMA
2.	MOSTI lulus dana RM1.19 bilion libatkan 1,898 projek bawah RMK10	BERNAMA
3.	Gempa bumi kuat 6.4 pada skala Richter gegar selatan Sumatera	Astro Awani
4.	Bangunan LHDN, Menara Kastam Johor bergegar	Harian Metro Online
5.	Amaran angin kencang, laut bergelora bermula Selasa	Sinar Harian Online
6.	Gempa bumi Sumatera: JB turut merasai gegaran kecil	Sinar Harian Online
7.	Nilai 3 diserbu	Harian Metro Online



MOSTI Tingkat Minat Pelajar Sabah Dalam Sains, Matematik

TUARAN, 13 Ogos (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)** menerusi agensinya Yayasan Inovasi Malaysia telah mengambil langkah proaktif meningkatkan minat pelajar Sabah khususnya di daerah ini terhadap sains dan matematik melalui medium pembelajaran berasaskan robotik.

Projek dikenali sebagai MSI16805 - Aplikasi Robotik Minimalis: Peningkatan Minat dan Pencapaian Murid terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (Steam) yang turut menerapkan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan pelajar itu telah dijalankan selama enam bulan mulai April lepas.

Seramai 100 orang pelajar dari 10 buah sekolah rendah dan sekolah menengah di daerah ini mengambil bahagian dalam projek yang julung kali diadakan di Sabah.

Berucap merasmikan majlis penutupan program, **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** berkata program seumpama itu berupaya memupuk minat mendalam terhadap mata pelajaran sains dan matematik sekali gus membudayakan inovasi serta kreativiti dalam kalangan pelajar.

"Usaha memupuk minat mendalam ini penting sebagai usaha melahirkan lebih ramai bakat sains, teknologi dan inovasi (STI) negara. Kumpulan bakat STI negara masih tidak begitu besar kerana masih kurang pelajar mengambil aliran sains dan matematik," katanya.

Tangau berkata projek yang turut mendapat kerjasama daripada Persatuan Robotik Pendidikan Komuniti dan Universiti Malaysia Sabah itu merupakan inisiatif dibawah program Inovasi Sosial Mosti (MSI), cabang inovasi yang mampu memberi kesan positif langsung kepada rakyat di peringkat akar umbi.

Sehingga 2016, sebanyak 34 projek MSI telah dijalankan di Sabah, katanya.

Dalam pada itu, Tangau berkata langkah YIM mengambil pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dan bekerjasama dengan agensi lain dalam melaksanakan program serta aktiviti adalah sejajar dengan usaha kerajaan untuk merakyatkan serta membentuk kelestarian inovasi di kalangan rakyat.

Usaha itu akan membantu meningkatkan lagi kedudukan Malaysia dalam Indeks Inovasi Global, katanya.



MOSTI Lulus Dana RM1.19 Bilion Libatkan 1,898 Projek Bawah RMK10

MELAKA, 13 Ogos (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah meluluskan dana berjumlah RM1.19 bilion melibatkan 1,898 projek yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10), kata Timbalan Menteri Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Beliau berkata daripada jumlah projek berkenaan sebanyak 1,188 telah berjaya disiapkan dalam tempoh RMK10 manakala bakinya masih dalam proses pembangunan.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 570 harta intelek telah berjaya dipatenkan manakala 73 masih dalam proses mendapatkan paten, 203 projek telah mendapat hak cipta, tanda dagangan (64) dan reka bentuk industri (19).

"Sebanyak 3,224 penerbitan antarabangsa dan 2,016 penerbitan nasional hasil pembangunan projek atau produk menggunakan dana pembangunan dan penyelidikan yang diperuntukan MOSTI berjaya dihasilkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Kreativiti Sains4U 2017 Zon Selatan di sini, hari ini.

Pelbagai produk, permainan dan aktiviti seperti pameran interaktif, planetarium mini, cerapan matahari, bengkel astronomy2U diadakan sepanjang dua hari Karnival Kreativiti Sains4U berlangsung di Arena Petanque Hang Jebat di sini bermula semalam.

Abu Bakar berkata sebanyak 435 anugerah iaitu 136 anugerah peringkat antarabangsa dan 299 anugerah peringkat nasional berjaya diraih bagi projek pembangunan dan penyelidikan yang dihasilkan dalam tempoh RMK10.

Beliau berkata daripada jumlah projek tersebut juga sebanyak 307 projek dikenal pasti berpotensi dikomersialkan namun sehingga kini hanya 106 projek dapat dikomersialkan.

Katanya sebanyak 23,498 peluang pekerjaan berjaya diwujudkan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi (STI) menggunakan peruntukan badan berkenaan sepanjang RMK10.

Dalam pada itu, beliau berkata MOSTI memainkan peranan penting dalam merangka kemajuan kerjaya berteraskan STI bagi menggalakkan lebih ramai generasi muda untuk menceburi bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.

"Menyedari hakikat itu, MOSTI bersama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi telah menggubal Pelan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) Nasional 2017-2025.

"Dalam 30 tahun akan datang 60 peratus kerja yang anak kita belajar ketika ini, kita percaya tidak akan wujud lagi sebaliknya lebih bertumpu pada bidang STI dan kita tiada pilihan lain untuk menjadikan STEM sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran masa depan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata Karnival Kreativiti Sains4U merupakan antara medium terbaik bagi memupuk minat dan kecenderungan pelajar dan murid sekolah menengah dan rendah terhadap bidang sains dan inovasi.

-- BERNAMA



Gempa bumi kuat 6.4 pada skala Richter gegar selatan Sumatera



Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia, gempa itu berpusat di 78km barat daya Bengkulu, Indonesia dan 636km barat daya Pontian, Johor. - Gambar fail

KUALA LUMPUR: Gempa bumi kuat berukuran 6.4 pada skala Richter melanda selatan Sumatera, Indonesia pada 11.08 pagi ini.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia, gempa itu berpusat di 78km barat daya Bengkulu, Indonesia dan 636km barat daya Pontian, Johor. Gegaran itu dilaporkan dirasai di sekitar Johor Bahru.

Bagaimanapun, ia tidak membawa ancaman tsunami.

-- BERNAMA



Bangunan LHDN, Menara Kastam Johor bergegar [METROTV]

BANGUNAN Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Menara Kastam Johor di Larkin antara bangunan tinggi di negeri ini yang dilaporkan bergegar berikutan gempa bumi 6.4 skala Richter di selatan Sumatera, Indonesia pagi ini.

Sumber bomba berkata, pihaknya menerima aduan berhubung gegaran di bangunan berkenaan pada 11.23 pagi tadi.

Sementara itu kenyataan dikeluarkan **Jabatan Meteorologi Malaysia** berkata, satu gempa bumi kuat berlaku pada 11.08 pagi ini.

Ia berada di koordinat 4.0 selatan dan 101.4 timur di selatan Sumatera iaitu 78 kilometer dari barat daya Bengkulu, Indonesia.

Ia juga berkedudukan 363 kilometer dari barat daya Pontian, Johor.



Amaran angin kencang, laut bergelora bermula Selasa



Jabatan Meteorologi Malaysia

KUALA LUMPUR - Angin kencang dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) dan laut bergelora diramal berlaku di kawasan perairan Phuket, Reef North dan Layang-Layang pada Selasa hingga Jumaat.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia**, keadaan ribut petir di perairan Perlis, Kedah, Johor Timur, Sabah, Phuket, Selat Melaka Utara, Samui, Tioman, Condore, Bunguran, Reef North, Palawan dan Sulawesi dijangka berterusan sehingga lewat petang ini.

"Keadaan ini boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil," kata kenyataan itu. - Bernama



Gempa bumi Sumatera: JB turut merasai gegaran kecil

JOHOR BAHRU - Gegaran kecil susulan gempa bumi di Sumatera turut dirasai di beberapa tempat di Johor Bahru pagi tadi.

Menurut jurucakap bomba, sehingga kini tiga laporan gegaran telah diterima iaitu daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) di Jalan Padi Emas 1, Menara Kastam di Jalan Tun Razak dan Menara Tabung Haji di Jalan Ayer Molek.

Bagaimanapun, tiada kecederaan atau keretakan bangunan dilaporkan.

Sementara itu, kira-kira 400 kakitangan LHDN serta orang ramai yang membuat urusan di pejabat berkenaan terkejut apabila diarahkan keluar dari bangunan setinggi 12 tingkat itu pada kira-kira 11.10 pagi.

Ketua Penolong Pengarah LHDN negeri Norazam Sulaiman berkata ketika kejadian, beliau berada di tingkat 11.

"Saya merasa gegaran pada jam 11.10 pagi dan terus menghubungi **Jabatan Meteorologi** untuk membuat laporan.

"Kemudian kami semua diarah turun oleh anggota keselamatan untuk berkumpul di tapak kecemasan," kata beliau kepada Bernama ketika ditemui di sini.

Seorang pelanggan LHDN, R. Rames, 44, pula mendapat arahan keluar dari bangunan berkenaan pada kira-kira 11.30 pagi.

"Saya datang membuat urusan di kaunter LHDN, tiba-tiba dimaklumkan ada gegaran dan diminta keluar. Tapi saya tak rasa gegaran mungkin sebab berada di tingkat bawah ketika itu," katanya.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Tebrau, Penolong Kanan Penguasa Bomba Saiful Bahri Safar berkata pihaknya yang menerima laporan kemudiannya telah memeriksa bangunan untuk memastikan tiada keretakan.

"Kebanyakan saksi yang merasai gegaran ketika itu berada di tingkat 11 dan 12. Setelah diperiksa, tiada keretakan dipastikan dan buat masa ini, bangunan ini selamat diduduki," kata beliau ketika dihubungi.

Bagaimanapun, pihaknya telah meminta pihak pengurusan LHDN untuk menghubungi Jabatan Kerja Raya untuk memeriksa lanjut struktur bangunan.

Kesemua kakitangan LHDN dibenarkan masuk ke bangunan itu secara beransur-ansur mulai 12.38 tengah hari tadi.

Pada kira-kira 11.08 pagi tadi, **Jabatan Meteorologi Malaysia** dalam satu kenyataan menyatakan gempa bumi kuat berukuran 6.4 pada skala Richter melanda selatan Sumatera, Indonesia.

Bagaimanapun, gempa bumi yang berpusat di 78km barat daya Bengkulu, Indonesia dan 636km barat daya Pontian, Johor, tidak membawa ancaman tsunami. - Bernama